

# Bersama tangani Islamophobia

Islam sering dimomokkan sebagai agama ganas dan zalim, namun dakwaan itu tidak pernah dibuktikan. Apa yang menyedihkan momokan itu telah mempengaruhi masyarakat dunia hinggakan ada segelintir individu fanatik menghukum Islam dengan cara yang zalim dan dahsyat seperti yang terjadi di New Zealand baru-baru ini.

Bagi menyingkap persepsi itu Wacana Sinar Harian Kali Ke-101 membincangkan tajuk Benarkah Islam dibenci? yang menampilkan Dekan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Wan Kamal Mujani, Profesor Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Mohd Kamarulnizam Abdullah dan Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Madya Datuk Dr Ismail Sualman.



Moderator Azlan Shah Nabees Khan mengendalikan wacana di Shah Alam, semalam.

## SHAH ALAM

**PROFESOR** Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Mohd Kamarulnizam Abdullah berkata, sifat ketakutan dan kebencian terhadap Islam masih lagi terkawal di peringkat global.

Bagaimanapun, katanya, umat Islam sebenarnya perlu bertanggungjawab dan memainkan peranan terhadap perasaan Islamophobia yang dirasakan oleh orang bukan Islam di luar.

Menurutnya, sebagai masyarakat Islam, beliau melihat masih kurang usaha untuk memperbaiki persepsi negatif masyarakat luar tentang Islam.

"Seharusnya perlu tangkis tuduhan negatif terhadap Islam dengan memperjuangkan agama dengan menggambarkan Islam itu indah.

"Itu yang berlaku pada hari ini. Sebagai contoh apa yang berlaku di Christchurch, New Zealand seolah-olah umat Islam didiskriminasikan kumpulan itu,"

katanya pada Wacana Sinar Harian kali ke-101 yang bertajuk Benarkah Islam dibenci? di Dewan Karangraf di sini, semalam.

Mohd Kamarulnizam berkata, beliau kesal dengan 'permainan' musuh-musuh Islam yang seolah-olah menganggap umat Islam ini adalah pengganas.

"Saya juga lihat umat Islam tidak bersatu dengan membiarkan isu keganasan itu diselongkar oleh barat, seolah-olah kita yang menjadi pengganas.

"Kita tidak mahu bersatu untuk memperbetulkan keadaan dan kita lihat kebanyakan negara Islam juga bergaduh antara satu sama lain," katanya.

Selain itu, Mohd Kamarulnizam turut mengajak semua umat Islam memperkuat institusi kekeluargaan dan masyarakat.

Katanya, negara berdepan dengan krisis insitituti keluarga dan masyarakat. Jadi perlu memahami apakah masalah yang dihadapi oleh generasi akan datang.

"Apa yang penting jangan ambil sikap sambil lewa untuk

mendidik golongan ini kerana mereka sebenarnya mencari-cari sumber ilmu.

"Insitituti kekeluargaan antara fokus utama yang perlu dilihat bagi mengelakkan berlakunya sikap kebencian terhadap Islam," katanya.

### Peranan keluarga, masyarakat penting

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Madya Datuk Dr Ismail Sualman berpendapat kebanyakan individu daripada pelbagai kaum di Malaysia sudah mendapat pendidikan agama dan diterapkan semangat perpaduan sejak zaman sekolah.

Lantaran itu katanya, beliau berpendapat, isu Islamophobia tidak begitu dirasakan di Malaysia kerana semangat perpaduan yang diterapkan sejak bangku sekolah telah memberi impak agar kita tidak saling membenci.

"Malah setiap hari terdapat program perpaduan dipaparkan

melalui media termasuk televisyen bagaimana sesuatu perayaan diraikan bersama.

"Bagaimanapun apa yang dibincangkan adalah sekiranya golongan ini keluar daripada kelompok pemikiran di Malaysia dan berhijrah ke negara-negara yang bukan 'ciptaan' Malaysia sehingga mengundang mereka bersifat radikal dan tidak mempunyai pegangan agama," katanya.

Ismail berkata, isu itu sebenarnya perlu dibawa ke peringkat meluas bagi memberi pendedahan terhadap isu keganasan Islamophobia.

"Jika terdapat pelan strategi itulah, risiko yang berlaku dapat ditangani dan tidak merebak sehingga menjejaskan keamanan negara.

"Apa yang dibincangkan ini juga perlu dimaklumkan kepada semua pihak termasuk pelbagai peringkat jabatan dengan meningkatkan penguatkuasaan supaya dapat mencegah berlakunya Islamophobia di Malaysia," katanya.

## REAKSI ISMAIL SUALMAN



OIC perlu menggunakan satu ruang untuk memperbaiki keadaan dan mengambil tindakan melihat laporan berita mengenai dunia Islam.

## REAKSI KAMARULNIZAM



ISU ketakutan dan kebencian terhadap Islam adalah disebabkan pengaruh dan politik moden hubungan antarabangsa.

## Malaysia jadi tempat rujukan negara Islam lain

**DEKAN** Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr Wan Kamal Mujani berkata, jika dibandingkan dengan negara Islam lain, ternyata Malaysia jauh kehadapan terutamanya dari aspek pembangunan ekonomi, pendidikan dan tatakelola pentadbiran.

Malah, katanya, Malaysia

sentiasa menjadi tempat rujukan negara Islam lain kerana prestasi negara dalam bidang berkenaan yang lebih maju dan unggul.

"Pengalaman saya sewaktu berada di luar negara, saya melihat Islam yang ada dalam negara kita dari segi aspek pentadbiran, pendidikan, ekonomi dan sosial. Jika dibandingkan dengan negara-negara Arab, Malaysia jauh ke hadapan.

"Sebagai contoh dalam perkara pengelolaan perbankan, kemajuan

yang telah kita capai sekarang ini yang saya lihat sangat membanggakan hingga orang Turki mahu belajar perbankan kita," katanya.

Malah katanya, dalam sektor pendidikan, nama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sering disebut dan dijadikan contoh oleh negara Islam lain.

Wan Kamal turut berpandangan, Islam diramalkan mempunyai jumlah penganut paling ramai di dunia menjelang tahun 2070.



WAN KAMAL